

## SOALAN LAZIM (FAQ)

### **SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BILANGAN 3 TAHUN 2020**

#### **PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BAGI PEGAWAI DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah sumber rujukan lain yang perlu dibaca bersekali FAQ ini?	<p>1. Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bilangan 3 Tahun 2020: Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bagi Pegawai di Kementerian Kesihatan Malaysia</p> <p>2. 17 Mac 2020 : Soalan Lazim (FAQ) – Bil. 1 (Dikemaskini) Perintah Kawalan Pergerakan (Movement Control Order) 18 – 31 Mac 2020 oleh Majlis Keselamatan Negara, JPM <a href="https://www.mkn.gov.my/web/ms/soalan-lazim-faq-mengenai-perintah-kawalan-pergerakan/">https://www.mkn.gov.my/web/ms/soalan-lazim-faq-mengenai-perintah-kawalan-pergerakan/</a></p> <p>17 Mac 2020: Arahan Bekerja Dari Rumah Berikut Perintah Kawalan Pergerakan dan Penutupan Premis Kerajaan oleh JPA <a href="https://docs.jpa.gov.my/docs/se/2020/se17032020.pdf">https://docs.jpa.gov.my/docs/se/2020/se17032020.pdf</a></p> <p>3. 20 Mac 2020 : Soalan Lazim (FAQ) Urusan Pengurusan Sumber Manusia Selaras Dengan Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Mulai 18 Mac 2020 Sehingga 31 Mac 2020 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam <a href="https://docs.jpa.gov.my/docs/se/2020/soalan_lazimse1732020.pdf">https://docs.jpa.gov.my/docs/se/2020/soalan_lazimse1732020.pdf</a></p>

<b>BIL.</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
2.	Apakah tempoh kuat kuasa Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bil. 3/2020?	Tempoh kuat kuasa Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bil. 3/2020 adalah mulai 18 Mac 2020 sehingga 14 April 2020 atau apa-apa tarikh yang ditetapkan oleh Kerajaan.
3.	Sekiranya seseorang pegawai diarahkan untuk bertugas daripada rumah, adakah ianya dianggap bercuti?	Seorang pegawai yang diarahkan untuk bekerja dari rumah secara penggiliran tugas adalah dianggap bekerja namun perlu berada di rumah. Pegawai boleh dipanggil semula bertugas di pejabat, fasiliti atau institusi pada bila-bila masa yang diperlukan oleh Penyelia atau Ketua Jabatan.
4.	Adakah pegawai atau Ketua Jabatan perlu menetapkan skop kerja atau senarai tugas yang perlu dilaksanakan semasa bertugas di rumah?	Skop kerja atau senarai tugas yang boleh dilaksanakan dari rumah adalah bergantung kepada rasional dan kewajaran yang perlu dinilai oleh Ketua Jabatan atau penyelia.  Terdapat jawatan yang tidak mempunyai tugas yang boleh dibawa ke rumah, namun ini tidak bermaksud pegawai di jawatan berkenaan tidak boleh bekerja dari rumah. Tugas-tugas lain juga boleh diberikan untuk pegawai melaksanakannya dari rumah.
5.	Adakah pegawai perlu mengambil cuti rehat tahunan atau cuti tanpa gaji jika tiada tugas yang boleh dilaksana dari rumah?	Tidak perlu.  PKP adalah terpakai kepada semua individu yang perlu berada di rumah sepanjang tempoh tersebut. Jika pegawai diarahkan ke pejabat menerusi jadual bertugas secara penggiliran, tempoh berada di rumah dianggap sebagai pegawai melaksanakan tugas dari rumah.
6.	Siapakah yang boleh dijadualkan untuk bekerja dari rumah secara penggiliran tugas?	Mana-mana pegawai termasuk Pekerja Sambilan Harian (PSH) boleh dijadualkan untuk bekerja dari rumah secara penggiliran tugas tertakluk kepada arahan Ketua Jabatan/ Penyelia berdasarkan penilaian

<b>BIL.</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
		terhadap keadaan semasa dan kepentingan perkhidmatan.
7.	Adakah saya boleh manafikan arahan Ketua Jabatan/ Penyelia untuk hadir bertugas di pejabat dan terus duduk di rumah?	<p>Arahan Ketua Jabatan/ Penyelia untuk bertugas adalah berdasarkan penilaian terhadap keadaan semasa dan kepentingan perkhidmatan. Sehubungan itu, pegawai dan anggota di bawah seliaannya perlulah memberikan kerjasama dan hadir bertugas selaras saranan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam menerusi Kenyataan Media: Berkhidmat untuk Negara Ikrar Penjawat Awam bertarikh 25 Mac 2020.</p> <p>Di sepanjang tempoh di pejabat, pegawai hendaklah mengambil langkah pencegahan dan keselamatan sewajarnya seperti memakai penutup mulut dan hidung serta kerap mencuci tangan.</p>
8.	Adakah Ketua Jabatan di Program/ Bahagian/ Unit Di Ibu Pejabat KKM, Institusi, Hospital Dan Klinik Kesihatan boleh mengeluarkan arahan supaya semua kakitangan untuk hadir bertugas seperti biasa semasa tempoh PKP?	Fasiliti dan institusi kesihatan perlu terus beroperasi, walau bagaimanapun Ketua Jabatan/ Penyelia yang menguruskan fasiliti dan institusi kesihatan perlu menilai dan mempertimbangkan antara risiko sebaran wabak dan kepentingan penyampaian perkhidmatan serta membuat keputusan sewajarnya.
9.	Bagaimakah pemantauan Waktu Bekerja dan rekod kehadiran bekerja bagi anggota KKM dalam tempoh PKP?	Setiap Bahagian/ Program/ Unit/Jabatan di IPKKM dan fasiliti kesihatan KKM boleh melengkapkan format pelaksanaan waktu bertugas pegawai seperti contoh dalam Lampiran III (a), (b) dan (c) bagi merekodkan kehadiran atau pelaksanaan tugas pegawai semasa Perintah Kawalan Pergerakan tersebut. Bagi pegawai yang perlu hadir bertugas di pejabat, rekod kad perakam waktu boleh digunakan sebagai bukti kehadiran.

<b>BIL.</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
10.	Adakah Ketua Jabatan boleh menetapkan penggiliran selain daripada dua penggiliran yang dicadangkan dalam Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bil. 3/2020?	Ketua Jabatan boleh menetapkan penggiliran bertugas mengikut keperluan perkhidmatan masing-masing bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan tidak terjejas sepanjang tempoh PKP ini.
11.	Adakah pihak Jabatan Kesihatan Negeri perlu mengeluarkan arahan berasingan untuk panduan fasiliti kesihatan di peringkat negeri sebagai panduan pelaksanaan semasa PKP ini?	Buat masa ini, setiap fasiliti kesihatan boleh menjadikan Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bil. 3/2020 ini sebagai panduan dalam memastikan penyampaian perkhidmatan di KKM tidak terjejas dalam tempoh ini. Namun begitu, setiap fasiliti kesihatan boleh membuat kawalan dalaman bagi memastikan perkhidmatan kesihatan dapat diteruskan dengan baik.
12.	Adakah Ketua Jabatan boleh memberikan arahan untuk meneruskan bekerja seperti biasa dan tiada sistem penggiliran bertugas semasa tempoh PKP atau kakitangan berkenaan perlu mengambil cuti rehat memandangkan Ketua Jabatan berpandangan bahawa tugas jawatan berkenaan tidak boleh dilaksanakan dari rumah?	Fasiliti dan institusi kesihatan perlu terus beroperasi, walau bagaimanapun Ketua Jabatan dan Penyelia yang menguruskan fasiliti dan institusi kesihatan perlu menilai dan mempertimbangkan antara risiko sebaran wabak dan kepentingan penyampaian perkhidmatan. Sehubungan itu, Ketua Jabatan boleh menetapkan penggiliran bertugas mengikut keperluan perkhidmatan masing-masing bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan tidak terjejas sepanjang tempoh PKP ini.  Kakitangan juga boleh diarahkan untuk bekerja dari rumah secara penggiliran tugas dan boleh dipanggil semula bertugas di pejabat, fasiliti atau institusi pada bila-bila masa yang diperlukan oleh Penyelia atau Ketua Jabatan. Skop kerja atau senarai tugas yang boleh dilaksanakan dari rumah adalah bergantung kepada rasional dan

<b>BIL.</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
		<p>kewajaran yang perlu dinilai oleh Ketua Jabatan atau penyelia.</p> <p>Terdapat jawatan yang tidak mempunyai tugas yang boleh dibawa ke rumah, namun ini tidak bermaksud pegawai di jawatan berkenaan tidak boleh bekerja dari rumah. Tugas-tugas lain juga boleh diberikan untuk pegawai melaksanakan tugas dari rumah.</p>
13.	Adakah kakitangan pengurusan di hospital yang terlibat dengan pusat saringan COVID-19 layak diberikan kelayakan hadir bertugas secara giliran?	Fasiliti dan institusi kesihatan perlu terus beroperasi, walau bagaimanapun Ketua Jabatan dan Penyelia yang menguruskan fasiliti dan institusi kesihatan perlu menilai dan mempertimbangkan antara risiko sebaran wabak dan kepentingan penyampaian perkhidmatan. Sehubungan itu, Ketua Jabatan boleh menetapkan penggiliran bertugas mengikut keperluan perkhidmatan masing-masing bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan tidak terjejas sepanjang tempoh PKP ini.
14.	Adakah semua Pekerja Sambilan Harian (PSH) dibayar gaji sepanjang tempoh PKP ini atau PSH yang hanya diberi tugasan oleh Ketua Jabatan sahaja layak dibayar gaji?	<p>PSH juga boleh diarahkan untuk bekerja dari rumah secara penggiliran tugas dan boleh dipanggil semula bertugas di pejabat, fasiliti atau institusi pada bila-bila masa yang diperlukan oleh Penyelia atau Ketua Jabatan. Skop kerja atau senarai tugas yang boleh dilaksanakan dari rumah adalah bergantung kepada rasional dan kewajaran yang perlu dinilai oleh Ketua Jabatan atau penyelia.</p> <p>Terdapat jawatan yang tidak mempunyai tugas yang boleh dibawa ke rumah, namun ini tidak bermaksud pegawai di jawatan berkenaan tidak boleh bekerja dari rumah. Tugas-tugas lain juga boleh diberikan untuk pegawai melaksanakan tugas dari rumah.</p>

<b>BIL.</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
15.	Bagaimakah status pegawai yang tersadai di kampung halaman setelah PKP diumumkan untuk dilanjutkan?	<p>Bagi tempoh cuti rehat yang telah diluluskan sebelum PKP dan berakhir dalam tempoh PKP, pegawai yang masih berada di kampung dan tidak dapat pulang ke rumah kediaman perlu patuh kepada PKP untuk terus kekal di kampung dan dianggap melaksanakan arahan bekerja dari rumah di kampung pegawai.</p> <p>Dalam tempoh PKP ini, pegawai boleh kekal di kampung tanpa mohon cuti rehat tambahan. Walau bagaimanapun semua Ketua Jabatan/ Penyelia perlu memastikan pegawai bekerja dari rumah apabila perkhidmatannya diperlukan mengikut kaedah yang difikirkan bersetujuan.</p> <p>Walau bagaimanapun, pegawai perlu berusaha untuk mencari jalan penyelesaian untuk kembali bertugas sekiranya Ketua Jabatan mengarahkannya untuk kembali bertugas di atas kepentingan perkhidmatan.</p>
16.	Bagi kakitangan yang berulang-alik ke tempat bertugas merentas sempadan dan menggunakan pengangkutan awam (terdapat lokasi yang pengangkutan awam telah berhenti beroperasi atau jumlah yang sangat minima), layak untuk pekeliling perintah kawalan iaitu bekerja dari rumah?	Fasiliti dan institusi kesihatan perlu terus beroperasi, walau bagaimanapun Ketua Jabatan dan Penyelia yang menguruskan fasiliti dan institusi kesihatan perlu mempertimbangkan sama ada anggota boleh bekerja dari rumah atau perlu hadir bekerja. Ketua Jabatan dan Penyelia perlu menilai risiko sebaran wabak dan kepentingan penyampaian perkhidmatan.
17.	Adakah kakitangan yang gagal mematuhi arahan Ketua Jabatan semasa tempoh PKP boleh dikenakan tindakan tatatertib?	Selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, ketidakhadiran daripada bertugas tanpa cuti atau tanpa kebenaran terlebih dahulu atau tanpa sebab yang munasabah boleh menyebabkan seseorang pegawai dikenakan tindakan tatatertib.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		<p>Ketidakhadiran itu termasuklah kegagalan pegawai untuk hadir bagi apa-apa juga tempoh masa pun pada satu-satu masa dan tempat di mana pegawai itu dikehendaki hadir bagi pelaksanaan tugas-tugasnya.</p> <p>Merujuk kepada perenggan 3(b), surat edaran Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bertarikh 17 Mac 2020 bertajuk Arahan Bekerja Dari Rumah Berikutkan Perintah Kawalan Pergerakan dan Penutupan Premis Kerajaan oleh JPA, Pegawai hendaklah sentiasa bersedia sekiranya diarah oleh Ketua Jabatan untuk hadir ke pejabat atau mana-mana lokasi lain.</p>
18.	<p>Bagaimana status pegawai yang tamat cuti separuh gaji pada 31 Mac 2020 dan masih berada di kampung pada masa ini.</p> <p>Dalam masa yang sama pergerakan pegawai juga terjejas dengan kawalan pergerakan kenderaan udara.</p>	<p>Pegawai yang telah berada di kampung dan tidak dapat pulang ke rumah kediaman perlu patuh kepada PKP untuk terus kekal di kampung dan dianggap melaksanakan arahan bekerja dari rumah di kampung pegawai.</p> <p>Dalam tempoh PKP ini, pegawai boleh kekal di kampung tanpa mohon cuti tambahan. Walau bagaimanapun semua Ketua Jabatan/ Penyelia perlu memastikan pegawai bekerja dari rumah apabila perkhidmatannya diperlukan mengikut kaedah yang difikirkan bersesuaian.</p>
19.	<p>Jika anak-anak tiada penjaga dalam tempoh PKP ini dan dalam masa yang sama pegawai diarahkan bertugas seperti biasa, adakah beliau layak untuk bekerja dari rumah, atau perlu ambil Cuti Rehat?</p>	<p>Fasiliti dan institusi kesihatan perlu terus beroperasi, walau bagaimanapun Ketua Jabatan dan Penyelia yang menguruskan fasiliti dan institusi kesihatan perlu menilai dan mempertimbangkan antara risiko sebaran wabak dan kepentingan penyampaian perkhidmatan.</p> <p>Sehubungan itu, Ketua Jabatan boleh</p>

<b>BIL.</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
		<p>menetapkan penggiliran bertugas mengikut keperluan perkhidmatan masing-masing bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan tidak terjejas sepanjang tempoh PKP ini.</p> <p>Pegawai juga digalakkan untuk mencari jalan penyelesaian untuk isu penjagaan anak sekiranya perkhidmatannya diperlukan.</p>
20.	<p>Adakah Ketua Jabatan dibenarkan untuk menyusun semula pelaksanaan tugas di fasiliti kesihatan dengan menempatkan anggota bidang pentadbiran/ sokongan melaksanakan tugas di kaunter saringan COVID-19 bagi menangani kekangan petugas barisan hadapan (frontliners)? Adakah perkara ini boleh dilaksanakan walaupun tidak termaktub dalam Deskripsi Tugas pegawai berkenaan?</p>	<p>Fasiliti dan institusi kesihatan perlu terus beroperasi, walau bagaimanapun Ketua Jabatan dan Penyelia yang menguruskan fasiliti dan institusi kesihatan perlu menilai dan mempertimbangkan antara risiko sebaran wabak dan kepentingan penyampaian perkhidmatan.</p> <p>Oleh itu, Ketua Jabatan boleh menetapkan penggiliran bertugas mengikut keperluan perkhidmatan fasiliti dan institusi masing-masing bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan tidak terjejas dan anggota kesihatan tidak terlalu penat (burnout) sepanjang tempoh PKP ini.</p>
21.	<p>Adakah Pegawai Perubatan, Jururawat dan Penolong Pegawai Perubatan boleh diberi penggiliran kerja walaupun mereka bertugas sebagai front liners di fasiliti KKM? Adakah terdapat punca kuasa yang membolehkan perkara ini, selain SPKSU KKM Bil.3/2020?</p>	<p>Berdasarkan maklumat yang diperolehi, terdapat Ketua Jabatan fasiliti kesihatan yang memberarkan pelepasan/ penggiliran tugas kepada pasukan front liners selama seminggu sebagai tempoh self-quarantine selama seminggu.</p> <p>Pelepasan tugas ini diberi secara bergilir-gilir dengan pasukan frontliners sedia ada yang lain di fasiliti tersebut. Tujuan pelepasan tugas ini adalah untuk mengelakkan anggota kesihatan yang bertugas di barisan hadapan tidak terdedah terlalu lama dengan PUI/pesakit COVID-19, di samping untuk</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		memantau tahap kesihatan diri sendiri agar tidak terlalu penat (burnout).